

TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MAJLIS PERASMIAN LALUAN PEJALAN KAKI DAN PROGRAM
HEBAHAN DAN KESEDARAN KESELAMATAN PROGRAM BANDAR
SELAMAT 2016
11 DISEMBER 2016 (AHAD), 2:00 PETANG
TAMAN PUTERI GUNUNG

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen Negeri Pulau Pinang

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Sr Hj Rozali Bin Mohamud

Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Pegawai-Pegawai MPSP

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Selamat Petang

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama dalam Majlis Perasmian Laluan Pejalan Dan Program Hebahan Dan Kesedaran Keselamatan Program Bandar Selamat 2016 pada petang ini.

Tuan-tuan, Puan-puan dan Para hadirin sekalian,

Program ini diadakan bertujuan untuk menyampaikan hebahan dan kesedaran berkaitan aspek-aspek keselamatan dan pencegahan jenayah kepada penduduk tempatan. Ianya juga adalah selaras dengan Fokus MPSP Tahun 2016, di bawah Fokus Keselamatan dan Lalulintas di mana MPSP telah menetapkan untuk mengadakan program khusus berkaitan Bandar Selamat bersama-sama penduduk Seberang Perai.

Program ini juga diadakan untuk memberikan kesedaran kepada orang awam khususnya komuniti setempat tentang kepentingan mewujudkan suasana tempat tinggal yang selamat dan peranan masyarakat dalam mewujudkan satu komuniti yang aman dan harmoni. Disamping itu, program ini juga dijalankan bersama-sama agensi yang berkaitan

seperti PDRM, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk memberikan pendidikan dan kesedaran kepada masyarakat umum.

Tuan-tuan, Puan-puan dan Para hadirin sekalian,

Program Bandar Selamat diwujudkan pada tahun 2004 untuk untuk mewujudkan alam persekitaran bandar yang lebih selamat. Majlis Negara untuk Kerajaan Tempatan pada Oktober 2004 mengarahkan PBT utama melaksanakan Program Bandar Selamat. Takrifan semula Program Bandar Selamat pada tahun 2010 mengandungi 3 Strategi dan 15 Langkah Pencegahan Jenayah seperti berikut:

- merekabentuk persekitaran fizikal
- pengurusan, penyertaan komuniti & kesedaran awam
- memperkasakan kawasan sasaran

15 langkah pencegahan jenayah adalah seperti berikut;

1. Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor
2. Pelaksanaan rekabentuk persekitaran fizikal yang selamat (CPTED)
3. Pemetaan GIS jenayah dan Program Bandar Selamat
4. Penyediaan Balai Polis tetap atau bergerak

5. Penyediaan cermin keselamatan
6. Penyediaan papan tanda peringatan jenayah
7. Penyediaan penggera keselamatan
8. Penyediaan tempat motorsikal berkunci
9. Pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan perniagaan dan tempat awam.
10. Pencahayaan di kawasan sasaran iaitu di tepi, hadapan dan belakang rumah/ bangunan premis perniagaan, tempat awam dan perumahan
11. Laluan awam tidak terlindung dari pandangan awam
12. Penjanaan aktiviti bersesuaian di kawasan terdedah jenayah
13. Pendidikan, kesedaran awam dan publisiti
14. Meningkatkan rondaan di kawasan perumahan
15. Agenda tetap bulanan dalam Mesyuarat Majlis Penuh

Bermula dari tahun 2010, MPSP telah menjalankan Program Bandar Selamat di mana pada masa tersebut tumpuan diberikan kepada kawasan-kawasan *Hotspot* Jenayah iaitu kawasan yang indeks jenayahnya tinggi. Dari tahun 2010 hingga 2012, MPSP telah memberikan tumpuan di kawasan-kawasan seperti Taman Perai Jaya, Seberang Jaya dan Bandar Perda.

Bermula tahun 2013 hingga 2015, tumpuan beralih untuk memutihkan kawasan *Blackspot* iaitu kawasan yang menimbulkan perasaan takut menjadi mangsa jenayah. Tumpuan telah diberikan di Taman Chai Leng, Taman Inderawasih, Taman Perai Utama dan Taman Senangin. Bermula tahun 2014, MPSP tidak lagi menerima peruntukan untuk melaksanakan projek fizikal di bawah Program Bandar Selamat daripada Kementerian Dalam Negeri.

Walau bagaimanapun, Program Bandar Selamat tetap dijalankan dengan memberikan tumpuan kepada program-program sosial dan keselamatan dengan kerjasama agensi-agensi seperti PDRM, AADK, JKM, Imigresen dan sebagainya. MPSP dengan inisiatif sendiri ke arah mewujudkan suatu perbandaran yang selamat selari dengan slogan "*Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*" telah memperuntukkan sebanyak RM500,000 untuk melaksanakan projek fizikal di bawah Program Bandar Selamat di samping program sosial bersama agensi dan masyarakat seperti yang dijalankan pada hari ini.

Taman Puteri Gunung telah dipilih melalui suatu Jawatankuasa yang dibentuk di MPSP iaitu Jawatankuasa Bandar Selamat yang dianggotai oleh PDRM serta lain-lain agensi seperti AADK, JKP, JPNIN, Imigresen, JPJ dan sebagainya serta jabatan-jabatan dalaman MPSP sebagai

lokasi tumpuan Bandar Selamat bagi tahun 2016. Lokasi Taman Puteri Gunung dan sekitar Bandar Tasek Mutiara adalah merupakan *hotspot* bagi Jenayah Pecah Rumah dan Curi bagi kawasan Seberang Perai Selatan.

Di bawah Fokus MPSP 2016, sejumlah peruntukan (RM 500,000) telah diperuntukkan untuk menjalankan projek-projek fizikal Bandar selamat seperti laluan pejalan kaki dan rel penghadang, papan tanda keselamatan, tempat letak motosikal berkunci, cermin keselamatan dan pencahayaan. Salah satu projek yang disenaraikan adalah di Taman Puteri Gunung iaitu Laluan pejalan kaki dan rel penghadang sepanjang 180 m di hadapan Kompleks Sekolah Wawasan ini yang menelan kos pembinaan sebanyak RM128,545.00.

Selain itu, aspek pencahayaan turut dipertingkatkan dengan menambah satu tiang lampu menggunakan peruntukkan Ahli Majlis MPSP iaitu Dr. Tiun Ling Ta sebanyak RM1,453.40.

Selain dari projek laluan pejalan kaki di Taman Puteri Gunung ini, MPSP juga menjalankan projek-projek seperti berikut di bawah peruntukkan Bandar Selamat MPSP tahun 2016:

- i. menaiktaraf laluan pejalan kaki dan kerja-kerja berkaitan untuk 'Program Bandar Selamat' di Jalan Jenahak, Seberang Jaya, SPT.
- ii. membekal dan memasang tempat letak motosikal berkunci untuk 'Program Bandar Selamat' di Rumah Pangsa Desa Wawasan, Bukit Mertajam, SPT.
- iii. membekal dan memasang tempat letak motosikal berkunci untuk 'Program Bandar Selamat' di Rumah Pangsa Jalan Mohd Saad, SPU.

Tuan-tuan, Puan-puan dan Para hadirin sekalian,

MPSP berharap program ini dapat memberikan informasi dan maklumat yang bermanfaat kepada penduduk tempatan untuk meningkatkan aspek keselamatan seterusnya mewujudkan persekitaran kediaman yang lebih sihat dan lebih selamat selaras dengan slogan "*cleaner, greener, safer and healthier Penang*". Saya juga berharap semoga kemudahan yang telah dibina digunakan sebaiknya dan dijaga oleh komuniti.

Ucapan ribuan terima kasih kepada semua agensi yang terlibat dan diharapkan program seumpama ini akan diteruskan di masa akan datang bersama-sama dengan semua agensi yang terlibat pada hari ini.

Saya dengan ini merasmikan Laluan Pejalan Kaki Dan Rel Penghadang Taman Puteri Gunung Di Bawah Projek Bandar Selamat MPSP Tahun 2016.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.